

## KEFAHAMAN IBU BAPA TERHADAP KEMAHIRAN KEIBUBAAPAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### [UNDERSTANDING THE PARENTS OF PARENTING SKILLS BY ISLAMIC PERSPECTIVE]

IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR\*, SALASIAH HANIN HAMJAH & ADAWIYAH ISMAIL<sup>1</sup>

*Received Date:* 6 February 2019

*Accepted Date:* 20 February 2019

#### Abstrak

Ibu bapa adalah pemimpin dalam keluarga yang dapat dicontohi oleh anak-anak. Namun demikian, pelbagai masalah dan kes yang berlaku dalam keluarga masa kini dikaitkan dengan tingkah laku keibubapaan yang negatif terhadap anak-anak seperti pembunuhan, penderaan fizikal dan seksual serta pengabaian pendidikan. Ini menunjukkan segelintir ibu bapa kurang mengetahui kemahiran keibubapaan cemerlang untuk diamalkan dalam keluarga dan perlu diberi panduan mengenainya. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji kefahaman ibu bapa terhadap kemahiran keibubapaan menurut perspektif Islam. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik terhadap 384 responden yang dipilih secara bertujuan dalam kalangan ibu bapa di Putrajaya. Manakala, data dianalisis dengan teknik statistik deskriptif menggunakan SPSS versi 22. Hasil kajian mendapati responden memahami kemahiran keibubapaan menurut Islam yang merangkumi keperluan menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk, menjadi pembimbing utama anak-anak, keperluan mendisiplinkan anak dengan cara perundingan yang baik, mengawal kebebasan yang diberikan kepada anak-anak dan berhak mengarah anak melakukan apa juga perbuatan. Implikasi kajian ini dapat membantu ibu bapa mengetahui asas-asas kemahiran keibubapaan menurut Islam bagi mendidik anak-anak dalam keluarga. Kajian ini turut memberi sumbangan ilmu kepada pihak bertanggungjawab seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menguruskan program pembangunan keibubapaan dan kekeluargaan dengan lebih berkesan.

**Kata Kunci:** kefahaman, ibu bapa, kemahiran keibubapaan, keluarga

#### Abstract

Parents serve as role models through the examples they set with their attitude and behaviour within the family. However, recently various domestic problems and family conflicts such as homicide, physical and sexual abuse and educational neglect are linked to the negative attitude of parents towards their children. This indicates that some parents are unaware of the effective parenting skills whereby accurate guidelines are necessary for improvements. Hence, a research was conducted to study their knowledge and understanding towards parenting skills in accordance to Islamic perspective. The research design employed survey questionnaires on selected 384 parents from Putrajaya. The collected data was then

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

**Corresponding Author:**

IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA,  
E-mail: izzahmujahidah@yahoo.com.my

analysed using a descriptive statistical technique and software SPSS version 22. The research findings reveal that the respondents have shown understandings on the concept of Islamic Parenting Skills in terms of maintaining good relationships with Allah and people, being a main mentor to the children, positive child discipline methods, monitoring of childrens' freedom and parental authority. Through the implications of the research, it can assist parents in learning the basics of Islamic Parenting Skills to educate their children. Additionally, the research findings are used in the "Development of More Effective Parenting and Family" Program conducted by government parties including LPPKN, JKM and JAKIM.

**Key Words:** Understanding, Father, Mother, Parenting Skill, Family

**Cite This Article:**

Izzah Nur Aida ZuR Raffar, Salasiah Hanin Hamjah & Adawiyah Ismail. 2019. Kefahaman ibu bapa terhadap kemahiran keibubapaan menurut perspektif Islam. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 1(1): 67-76.

## PENGENALAN

Kemahiran keibubapaan atau disebut '*parenting skills*' merupakan elemen yang penting dalam menentukan kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Ibu bapa yang membawa anak-anaknya berjaya adalah ibu bapa yang cemerlang mengaplikasikan kemahiran keibubapaan dalam keluarga. Mengikut Kamus Dewan Bahasa (2002), kemahiran berasal dari perkataan mahir yang bermaksud terlatih, berkebolehan, berpengalaman, berbakat, serba boleh, pandai, cekap, kompeten; pantas, tangkas, lancar, fasih dan handal. Manakala, keibubapaan pula adalah sifat dan perkara yang berkaitan dengan ibu bapa, di mana dengan adanya ilmu keibubapaan ini, mereka lebih yakin bagi membentuk anak-anak. Razali (2013) dan Siti Nurshahizan (2014) pula mendefinisikan keibubapaan sebagai seseorang yang memberikan penjagaan asas, arahan, sokongan, perlindungan dan bimbingan kepada anak-anak. Merujuk kepada keupayaan ibu bapa untuk membimbing anak-anak menjadi insan yang berjaya dan berguna serta berkeperibadian unggul. Keibubapaan juga adalah suatu proses yang melibatkan interaksi di antara ibu bapa dengan anak-anak. Kaedah yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak dan keberkesanan dalam proses ini sangat mempengaruhi perwatakan, pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Sementara itu, Iwaniee & Sneddon (2002) menjelaskan keibubapaan sebagai suatu faktor utama yang membentuk personaliti, nilai, sokongan sosial, karakter dan pengaruh sosio budaya anak-anak.

Manakala, kemahiran keibubapaan pula merupakan term yang digunakan oleh ahli psikologi untuk menggambarkan bagaimana ibu bapa mendidik anak-anak melalui tingkah laku, disiplin dan kaedah untuk mempengaruhi kanak-kanak bersosial (Kordi & Baharudin 2010). Lam & Mohamad (1991) menyatakan kemahiran keibubapaan meliputi aspek-aspek sokongan, kawalan, dan penglibatan ibu bapa dalam kesemua aspek kehidupan anak-anak termasuklah membina personaliti anak-anak terutama dalam aspek penghargaan sendiri mereka. Elemen seperti sokongan, kawalan dan juga penglibatan ibu bapa merupakan tindakan yang baik dalam proses mendidik anak-anak. Selain itu, Sanders & Christensen (1985) menerangkan bahawa kemahiran keibubapaan ini merupakan tingkah laku kemahiran sama ada memberikan arahan, memuji, ketangkasan, penggunaan masa yang sesuai dan efektif bersama

anak-anak. Menurut Ishak (2004), kemahiran keibubapaan dapat mempengaruhi anak-anak dari segi kecekapan sosial, perkembangan kognitif, pembinaan personaliti, proses pembelajaran dan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, pelbagai definisi kemahiran keibubapaan telah dikemukakan oleh para sarjana sebelum ini yang kesemuanya merumuskan kemahiran keibubapaan sebagai urusan yang melibatkan ibu dan bapa dalam proses mendidik dan membangunkan anak dengan kaedah tertentu.

Kemahiran keibubapaan yang dianjurkan dalam Islam bersifat syumul kerana ia menekankan perimbangan konsep *al-falah* antara kedua-dua kehidupan di dunia dan akhirat. Justeru, kemahiran keibubapaan menurut Islam yang turut menepati maksud kajian ini amat memberi tumpuan terhadap keperluan ibu bapa mempunyai ilmu agama dan ilmu duniawi yang lain agar dapat menjadi pendidik dan pembimbing utama anak-anak dalam segenap aspek kehidupan mereka (al-Ghazali 2000; Ibn Khaldun 2002). Seterusnya, penjagaan hubungan ibu bapa dengan Allah SWT menerusi pengamalan cara hidup Islam yang syumul seperti kepercayaan teguh kepada Allah SWT, solat, puasa, membaca al-Quran dan berakhlak mulia sehingga mampu menerapkan nilai tauhid dan amal ibadah tersebut menjadi kebiasaan dalam diri anak-anak (al-Qaradawi 2001; al-Nawawi 1993; Muhammad Hasan Brigash 1992). Di samping itu, penjagaan hubungan ibu bapa dengan anak-anak yang mampu memenuhi hak-hak anak untuk dikasihi, dilindungi dan diberi perhatian (Ulwan 2015; Yusuf Ba'darani 1996) serta pemeliharaan hubungan ibu bapa sesama manusia dengan sikap saling hormat-menghormati, bantu-membantu dan berkasih sayang (Babeli 2002; Jamiah & Sidek 2016; Habibah & Noran Fauziah 2006).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kemahiran keibubapaan adalah antara isu yang perlu diperkasa dan diberi penumpuan pada masa kini agar dapat mengatasi masalah dan kes yang melibatkan golongan remaja di Malaysia. Peranan ibu bapa dilihat mampu memberi penyelesaian kepada isu remaja, namun ibu bapa masa kini masih perlu diberi panduan tentang cara dan kemahiran keibubapaan yang betul. Hal ini disebabkan banyak kes dan isu yang berlaku dalam sektor kekeluargaan dikaitkan dengan tingkah laku keibubapaan yang negatif seperti kes pembunuhan anak-anak seperti kes penyembelihan anak yang dilakukan oleh bapa di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi pada 30 Januari 2014, di mana anak perempuan yang berusia tujuh tahun dikelar sampai mati (Siti Azielah 2014). Kes pembunuhan anak juga berlaku di Yan, Guar Chempedak di mana bapa sanggup mendera anak lelakinya yang berusia dua tahun sehingga mati (Zuliaty 2019).

Selain itu, terdapat kes penderaan anak yang dilakukan oleh ibu bapa seperti kes yang berlaku di Ulu Sungai Semenggo, Kuching Sarawak pada Januari 2016 lalu terhadap anak yang masih berumur empat tahun (Md. Azrin 2016). Manakala, kes yang sama turut berlaku di Alor Gajah di mana bapa mendera dua anak kandungnya berusia lapan dan 10 tahun di rumah mereka (Ariffin Salleh 2014). Di samping itu, ada juga bapa yang didapati gagal mengawal nafsu sehingga terjebak dengan kes sumbang mahram atau dikenali dengan penderaan seksual atau *inses* (Kasim, Cheah & Shafie 1995). Kes-kes berkaitan personaliti ibu dan bapa yang tidak baik sehingga menyebabkan penderaan fizikal dan seksual terhadap anak adalah satu perkara yang memalukan masyarakat Malaysia. Masalah ini perlu diatasi dengan segera supaya para ibu dan bapa tidak lagi berkelakuan buruk terhadap anak sendiri dan berusaha menyedari

pentingnya untuk menjadi ibu bapa yang baik sebagai pelindung dan pembimbing anak-anak ke arah kejayaan. Kes sedemikian membuktikan bahawa isu kemahiran keibubapaan dalam keluarga amat penting diberi perhatian yang serius pada masa kini demi memastikan keselamatan anak-anak dalam keluarga terjamin.

Di samping itu, isu ibu bapa yang tidak mementingkan aspek pendidikan anak-anak juga dikesan menerusi kajian kes mengenai keciciran pelajar di sekolah menengah yang telah menggariskan beberapa sikap negatif ibu bapa atau keluarga terhadap pendidikan anak-anak. Ini termasuklah ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak mereka serta ibu bapa yang kurang kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada anak. Selain itu, terdapat ibu bapa yang lebih suka anak-anak mereka bekerja di usia remaja berbanding meneruskan persekolahan mereka. Kebanyakan pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan yang memperolehi pencapaian yang rendah adalah mereka yang berasal daripada keluarga yang kurang memberi sokongan terhadap pendidikan dan kurang mengawasi kemajuan anak-anak. Walaupun terdapat ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya mereka, namun mereka seharusnya mengambil tahu tentang pembangunan fizikal, kognitif, sosial dan emosi anak-anak mereka tetapi masih wujud segelintir ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak mereka kepada pihak sekolah semata-mata (Besharat, Azizi & Poursharifi 2011).

Rentetan masalah dan kes-kes yang dikemukakan menunjukkan bahawa terdapat segelintir ibu bapa masa kini kurang mengetahui kemahiran keibubapaan yang penting untuk membangunkan anak remaja. Ishak (2004) dan Zainab (2002) menyatakan bahawa ibu bapa yang kurang memiliki pengetahuan dan kemahiran keibubapaan yang cemerlang untuk memimpin keluarga boleh memberikan kesan buruk kepada anak-anak. Lamb et al. (1985) pula menjelaskan bahawa penglibatan bapa yang optimal terhadap perkembangan anak-anak akan wujud sekiranya bapa mempunyai motivasi dan kemahiran keibubapaan yang tinggi. Hal ini selaras dengan pandangan Fawwaz (2015) yang menyatakan kebanyakan ibu bapa tidak dapat menjalankan peranan dengan baik kerana kurang pengetahuan tentang kemahiran menguruskan keluarga dengan baik. Akibat daripada kekurangan pengetahuan tentang kemahiran keibubapaan ini menyebabkan ibu bapa cenderung membesarkan anak-anak dengan gaya asuhan secara permisif seperti terlalu memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak tanpa kawalan bahkan kurang memberi perhatian kepada anak sehingga menyebabkan pembentukan tingkah laku anti sosial (Mitchell 1989; D'Angelo et al. 1995).

Oleh itu, kajian tentang kemahiran keibubapaan dilihat amat penting diberi tumpuan pada masa kini bagi melahirkan ibu bapa yang lebih proaktif dalam pendidikan anak-anak. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan iaitu bagaimana kefahaman ibu bapa terhadap kemahiran keibubapaan menurut perspektif Islam? Objektif penulisan ini untuk mengkaji kefahaman ibu bapa terhadap kemahiran keibubapaan menurut perspektif Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan terhadap sampel kajian yang dipilih secara bertujuan (*purposive*) dalam kalangan 384 orang ibu bapa yang beragama Islam, mempunyai anak remaja yang berumur antara 10 hingga 19 tahun dan menetap di Putrajaya. Putrajaya dipilih sebagai lokasi kajian ini disebabkan Putrajaya

adalah pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia yang menempatkan majoriti ibu bapa bekerja daripada pelbagai negeri di Malaysia. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data di lokasi ialah borang soal selidik. Kaedah analisis kandungan turut digunakan terhadap tafsiran al-Quran, hadis, jurnal, tesis, buku, akhbar, majalah dan kertas kerja prosiding bagi membolehkan pengkaji mendapatkan input serta data bagi menyokong dapatan kajian. Penganalisan data terhadap hasil borang soal selidik telah dilakukan menggunakan teknik deskriptif menerusi SPSS (*Statistical Package for the Sosial Sciences*) versi 22. Sebelum kajian sebenar dilakukan, instrumen kajian ini telah dilakukan ujian kebolehpercayaan menerusi kajian rintis dan mencapai nilai *alpha cronbach* yang tinggi iaitu 0.928. Oleh kerana nilai *alpha cronbach* bagi pemboleh ubah melebihi 0.6, maka instrumen kajian mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan baik serta boleh diterima (Sekaran 2003).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini bertujuan mengkaji kefahaman responden dalam kalangan ibu bapa mengenai kemahiran keibubapaan menurut Islam bagi menjawab objektif kajian ini. Jadual 1 menunjukkan terdapat lima item yang dibentuk berdasarkan konsep kemahiran keibubapaan menurut Islam yang telah dikenal pasti. Jika dilihat daripada aspek pemahaman responden terhadap kemahiran keibubapaan menurut Islam, item yang mendapat nilai min tertinggi ialah “Ibu bapa perlu menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk” (min=3.82), diikuti item “Ibu bapa adalah pembimbing utama anak-anak” (min=3.69), “Ibu bapa perlu mendisiplinkan anak dengan cara perundingan yang baik” (min=3.58) dan “Ibu bapa berhak mengarah anak melakukan apa juga perbuatan” (min=3.42). Manakala, item “Ibu bapa boleh memberikan anak kebebasan sepenuhnya tanpa kongkongan” pula mencatatkan nilai min paling rendah (min=2.91).

Jadual 1 Kefahaman Kemahiran Keibubapaan Menurut Islam

Penyataan	Peratus (%) & Kekerapan (N)				Min
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
1 Ibu bapa perlu menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk	0% (0)	0% (0)	17.7% (68)	82.3% (316)	3.82
2 Ibu bapa adalah pembimbing utama anak-anak	0% (0)	0% (0)	31.0% (119)	69% (265)	3.69
3 Ibu bapa perlu mendisiplinkan anak dengan cara perundingan yang baik	0% (0)	0.5% (2)	41.1% (158)	58.3% (224)	3.58

4	Ibu bapa berhak mengarah melakukan apa juga perbuatan	berhak anak	0.5% (2)	2.9% (11)	50.8% (195)	45.8% (176)	3.42
5	Ibu bapa boleh memberikan kebebasan sepenuhnya tanpa kongkongan	boleh anak	8.6% (33)	19.5% (75)	44% (169)	27.9% (107)	2.91

Sumber: Soal Selidik 2018

Berdasarkan analisis terhadap nilai min yang dikemukakan menunjukkan kebanyakan responden dalam kalangan ibu bapa memahami bahawa mereka perlu menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk (min=3.82) mencapai 100% (384 orang). Dapatan ini disokong oleh Jamiah & Sidek (2016) yang meletakkan asas keberkesanan pendidikan dan pembentukan modal insan dalam keluarga dengan memahami kemahiran keibubapaan yang menekankan empat domain utama iaitu ilmu, hubungan ibu bapa dengan Allah SWT, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan yang lain-lain sebagaimana mengikut pandangan al-Ghazali (2000). Selain itu, Allah SWT telah menekankan kepentingan pemeliharaan keimanan, akidah dan ketaqwaan kepada-Nya serta Rasulullah SAW sebagai inspirasi utama yang akan menjaga perhubungan antara sesama manusia dan ahli keluarga (Yusuf 1984). Firman Allah SWT dalam surah al-Nisā' (4), ayat 1 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat.

Di samping itu, hasil kajian juga mendapati responden memahami bahawa mereka sebagai ibu bapa adalah pembimbing utama kepada anak-anak dalam keluarga (min=3.69) mencapai 100% (384 orang). Dapatan ini disokong oleh al-Ghazali (2001) yang menyatakan sekiranya anak-anak ingin dididik dengan akidah, ibadah dan akhlak Islam, ibu bapa terlebih dahulu perlu berusaha mewujudkan suasana Islam dalam rumah tangga mereka sama ada dalam perkara yang berkaitan dengan pertuturan atau perbuatan kerana ibu bapa adalah guru pertama dan utama bagi anak-anak. Hal ini turut dijelaskan oleh Asmawati (2009) bahawa pendidikan adab atau akhlak yang telah diberikan kepada anak-anak tidak akan terbentuk pada keperibadian anak-anak kecuali ibu bapa bersikap sedemikian terlebih dahulu disebabkan anak-anak akan meniru perbuatan atau percakapan ibu bapa yang baik mahupun buruk. Mohd Azrul (2013) juga menerangkan hal yang sama di mana contoh teladan yang dipamerkan oleh ibu bapa akan memberi kesan positif terhadap jiwa anak-anak kerana mereka sentiasa memerhatikan tingkah laku ibu dan bapa mereka. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting sebagai pembimbing

utama bagi mencorakkan anak-anak kepada kebaikan terutamanya dengan cara menunjukkan contoh teladan yang baik.

Dalam bahasa yang lebih mudah, sekiranya ibu bapa menginginkan anak-anak berkelakuan baik, berkata benar, amanah, *'iffah* dan rahmat serta menjauhi kebatilan, maka mereka terlebih dahulu perlu menunjukkan contoh bimbingan yang baik seperti melakukan kebajikan, melengkapkan diri dengan akhlak mulia, berkata benar dan baik, menjaga adab pergaulan sosial, menjauhi kejahatan, menyingkirkan sifat tercela, memelihara solat dan meninggalkan perkara yang dipandang hina di sisi Allah SWT. Ini kerana anak-anak yang sering mendengar kata-kata ibu bapa yang kufur, nista, maki hamun dan cercaan, tidak mungkin dapat belajar untuk berbicara dengan manis, jujur dan sopan, bahkan anak-anak yang melihat ibu bapa berkelakuan marah, bengis dan kasar, tidak mungkin menjadi orang bertimbang rasa dan menjadi orang yang berkasih sayang serta penuh rahmat ('Ulwan 2015; al-Qarni 2011; Abdul Munir 2014).

Sementara itu, analisis kajian juga mendapati kebanyakan responden dalam kalangan ibu bapa memahami bahawa mereka perlu mendisiplinkan anak dengan cara perundingan yang baik (min=3.58) mencapai 99.4% (382 orang). Dapatan ini selari dengan Harlina (2007) yang menjelaskan bahawa gaya asuhan keibubapaan secara rundingan dan demokratik ini bersesuaian dengan pendekatan Islam serta mampu memberikan kesan positif kepada anak-anak di mana kekuatannya terletak kepada sistem komunikasi dua hala yang menyuburkan amalan syura dan musyawarah yang meluas antara anak-anak dengan ibu bapa. Kaedah dan gaya ini juga seterusnya mampu memupuk sifat terbuka dalam menerima pandangan anak-anak yang akhirnya dapat membangkitkan kepercayaan dan keyakinan dalam diri anak-anak di samping suasana kasih sayang yang diwarnai dengan kemesraan dan rasa hormat-menghormati. Hal ini seperti mana dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS dan anaknya, Nabi Ismail AS ketika baginda Nabi Ibrahim AS bermimpi untuk menyembelih anaknya yang diyakini sebagai perintah Allah SWT. Hasil perbincangan kedua-duanya, mereka melaksanakan ketentuan dan suruhan Allah SWT tersebut dengan penuh keikhlasan (Dedhi t.t). Ini menunjukkan ibu bapa digalakkan membudayakan pendekatan berbincang dan musyawarah bersama dengan anak sebelum memutuskan sesuatu keputusan agar tidak timbul pemahaman dan pengertian yang salah malah idea mereka dihargai.

Meskipun item "Ibu bapa boleh memberikan anak kebebasan sepenuhnya tanpa kongkongan" mencatatkan nilai min yang paling rendah (min=2.91), namun seramai 71.9% (276 orang) dalam kalangan responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan item ini. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden berpandangan bahawa mereka boleh memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak. Hal ini amat bertentangan dengan kemahiran keibubapaan dalam Islam dan ia wajar dipandang serius oleh ibu bapa kerana amalan memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak remaja ini mengakibatkan kesan buruk. Ganesen & Noraini (2014) dan Rohaty (1998) menyebutkan bahawa gaya kepimpinan jenis *'laissez faire'* atau permisif ini memperlihatkan ibu bapa yang kurang prihatin terhadap aktiviti anak-anak serta kawalan dan peraturan yang diberikan tidak ketat sehingga mengakibatkan anak terjerumus dalam tingkah laku devian dan delinkuen, menyukai kebebasan tanpa kongkongan, kurang matang, kurang berdikari dan kurang rasa tanggungjawab (Slaby & Guerra 1988). Harlina (2007) turut mendapati gaya keibubapaan secara permisif ini cenderung

membesarkan anak-anak bermasalah dan terlibat dengan penipuan, gangsterisme, rompakan dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, ibu bapa yang menjadi responden kajian ini memahami kemahiran keibubapaan menurut perspektif Islam yang merangkumi keperluan menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk, menjadi pembimbing utama anak-anak, keperluan mendisiplinkan anak dengan cara perundingan yang baik, mengawal kebebasan yang diberikan kepada anak-anak dan berhak mengarah anak melakukan apa juga perbuatan. Implikasi kajian ini dapat membantu ibu bapa mengetahui asas-asas kemahiran keibubapaan menurut Islam bagi mendidik anak-anak ke arah membina sebuah keluarga sakinah. Kajian ini turut mencadangkan kepada pihak bertanggungjawab seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengoptimumkan program-program pembangunan keibubapaan dan kekeluargaan dengan lebih meluas agar ibu bapa sentiasa bermotivasi ke arah melahirkan keluarga yang cemerlang.

## RUJUKAN

- 'Ulwan, 'Abd Allah Nasih. 2015. *Tarbiyah al-Aulad Fil Islam*. Terj. Mohd. Ikhwan Abdullah. Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Abdul Munir Ismail. 2014. *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ariffin Salleh. 2014. Bapa Baran Dera Dua Anak. *Harian Metro*, 2 September.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam, Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ba'daroni, Yusuf. 1996. *al-Ibnu ma'a Abihi wa Ummihi*. Beirut: Dar al-cUlum li al-Malayin.
- Babeli, Mahmud Mohamad. 2002. *Persaudaraan Islam dan Pembangunan Sosial*. Terj. Abdul Karim Mustafa. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Besharat, M. A., Azizi, K., & Poursharifi, H. 2011. The Relationship Between Parenting Styles and Children's Academic Achievement In A Sample of Iranian Families. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 15 (1): 1280–1283.
- D'Angelo, L., Getson, P. & Luban, N. 1995. Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents: Can We Predict Who is At Risk?. *Pediatrics* 88 (1): 982-986.
- Dedhi Suharto. t.t. *Keluarga Qur'ani*. Kuala Lumpur: Synergy Media, S.A. Majeed & Co. Sdn Bhd.
- Fawwaz Hasbullah. 2015. Pendekatan Program dan Modul LPPKN Kepada Bapa, Kuala Lumpur. *Temu bual*, 15 Januari.
- Ganesen & Noraini. 2014. Pengaruh Struktur Keluarga Dan Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Murid India Di Sekolah Menengah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2 (1):49.
- al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al Taqwa li al-Thurath.



- al-Ghazali. 2001. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj. Abu Laila & Muhammad Tohir. Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. 2006. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harlina Halizah Siraj. 2007. Keibubapaan dalam Islam. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2002. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Mad Shah. 2004. Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator. *Jurnal Teknologi* 40 (E): 33–44.
- Iwanee, D. C & Sneddon, H. 2002. The Quality of Parenting of Individuals Who had failed to Thrive as Children. *British Journal of Social Work* 32 (1): 283-298.
- Jamiah Manap & Sidek Baba. 2016. Al-Ghazali's Parenting Skills Attributes Model. *Jurnal Hadhari* 8 (1): 113-131.
- Kamus Dewan. 2002. *Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kasim, M. S., Cheah, I. & Shafie, H. M. 1995. Childhood Death From Physical Abuse. *Child Abuse & Neglect* 19 (1): 847-854.
- Kordi, A., & Baharudin, R. 2010. Parenting Attitude And Style And Its Effect On Children's School Achievements. *International Journal of Psychological Studies* 2 (2): 217-222.
- Lam Paw Lin & Muhammad Yusuf. 1991. Tingkah laku keibubapaan dan penghargaan sendiri remaja. *Jurnal Psikologi Malaysia* 7: 61-79.
- Lamb, M.E., Pleck, J.H., Charnov, E., & Levine, J. A. 1985. Paternal Behavior in Humans. *American Psychologists* 25: 883-894.
- Md. Azrin Rosly. 2016. Suami Isteri Disyaki Dera Anak Angkat Ditahan. *Utusan Online*, 17 Januari.
- Mitchell, B. 1989. The Family Environment and Leaving The Parental Home. *Journal of Marriage and Family* 51 (1): 605-613.
- Mohd Azrul Azlen. 2013. Rasulullah SAW Bapa Mithali. *Solusi*, Isu 8: 85-86.
- Muhammad Hassan Brighish. 1992. *Adab al-Atfal Tarbiyyah wa Masu'liyyah*. Mansurah: Dar al-Wafa.
- al-Nawawi. 1993. *Riyad al-Salihin*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- al-Qarāḍawi, Yusuf. 2001. *Al-Qur'an dan Al-Sunnah Referensi Tertinggi*. Terj. Bahruddin Faunani. Selangor: Penerbitan Darul Iman.
- al-Qarni, Aid 'Abd Allah. 2011. *Membina Keluarga Takwa dan Bahagia*. Terj. Imron Rosaidi, S.A.G. Jakarta: Cendekia.
- Qasim, Yusuf. 1984. *Huquq al-'Usrah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Razali & Razali 2013 Razali, A., & Razali, N. A. 2013. Parent-Child Communication And Self Concept Among Malays Adolescence. *Adolescence* 9 (11): 189–200.
- Rohaty M. M. 1998. *Memahami Jiwa dan Minda Remaja* .Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Sanders, Matthew R. & Christensen, Alison P. 1985. A Comparison of the Effects of Child Management and Planned Activities Training in Five Parenting Environments. *Journal of Abnormal Child Psychology* 13 (1): 101-117.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Siti Azielah Wahi. 2014. Bapa Didakwa Bunuh Anak, Cedera Anak. *Sinar Harian*, 7 Februari.
- Siti Nurshahizan Razali. 2014. Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Johor: UTHM.
- Slaby, R.G. & Guerra, N.G. 1988. Cognitive Mediators of Aggression in Adolescent Offenders. *Developmental Psychology* 24: 580-588.
- Zainab Tambol. 2002. Hubungan Caragaya Keibubapaan dengan Salah Laku Seksual di Kalangan Remaja Perempuan di Taman Seri Puteri. Tesis Sarjana. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.
- Zuliaty Zulkiffli. 2019. Kanak-Kanak 2 Tahun Maut Didera. *Berita Harian*, 26 Mei.